



**PANDUAN TERKINI PROGRAM KOMUNITI/SIMULASI/MINI  
KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT (KKB) SECARA MAYA  
SEMESTER KEDUA SESI 2019/2020 BERIKUTAN PENULARAN WABAK COVID 19**

Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) UPM telah menetapkan hanya program komuniti secara maya sahaja dibenarkan untuk Semester Kedua Sesi 2019/2020 berikutan penularan wabak Covid-19. Dokumen ini adalah Panduan Pelaksanaan Program Komuniti/Simulasi/Mini Secara Maya bagi Semester Kedua Sesi 2019/2020.

1. Pelaksanaan Program:

- i. Mematuhi garis panduan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Panduan Pencegahan Penularan Wabak yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- ii. Mematuhi garis panduan program komuniti Kursus Kokurikulum Berkredit.
- iii. **Dibenarkan melibatkan** komuniti luar secara maya.
- iv. **Tidak dibenarkan bergabung** dengan kelas lain.
- v. Dibenarkan menggabungkan program simulasi/mini dengan program komuniti.
- vi. Pelaksanaan program bergantung kepada kelulusan daripada Fasilitator Khas.
- vii. Pengiraan tempoh kelas untuk program/simulasi/mini **berpandukan rangka kursus**.
- viii. Pelajar masih perlu mengisi **borang jamin diri** sebelum program komuniti maya dilaksanakan.

2. Proses Kelulusan:

- i. Proses kelulusan program komuniti masih sama seperti semester lepas (rujuk Senarai Semak Kelulusan Program Komuniti).
- ii. Fasilitator dan pelajar perlu membentangkan kertas kerja dengan Fasilitator Khas **secara maya**.
- iii. Pemohon perlu mengemukakan dokumen dan surat secara atas talian (*google form*) selepas membuat pembentangan dan mendapat kelulusan daripada Fasilitator Khas. Pautan *Google Form* akan diberikan oleh PKPP.
- iv. Semua dokumen hanya perlu dihantar *softcopy* melalui *Google Form*.
- v. Tandatangan digital pada dokumen dan surat boleh diterima.
- vi. Kelulusan aktiviti akan diedarkan secara emel atau *online*.

3. Cadangan Program (sebagai contoh):

- i. Video promosi UPM/PKPP/kursus KKB
- ii. Video kesedaran/motivasi
- iii. Video aktiviti gaya hidup sihat dengan sentuhan fizikal yang minimum
- iv. Video berkaitan kerohanian, kebudayaan, motivasi, kreativiti dan inovasi
- v. atau sebarang cadangan lain daripada fasilitator dan pelajar (tertakluk kepada kelulusan Fasilitator Khas).

4. Cadangan Kerjasama (pilihan):

- i. Kolej Kediaman
- ii. CEM
- iii. Pusat Alumni
- iv. Bahagian Kaunseling
- v. BHEP
- vi. Entiti HEPA
- vii. PTJ UPM

Nota:

*\* Mohon fasilitator merujuk kepada Fasilitator Khas masing-masing sekiranya memerlukan penerangan lanjut berkenaan perkara ini.*